

TRANSLITERASI NASKHAH MANUSKRIP MELAYU
BASHĪR AL-IKHWĀN BI-ASBĀB AL-MAWT^c ALĀ AL-ĪMĀN

(MSS 2273)

HASIL KARYA TERJEMAHAN OLEH
SYEIKH DAUD AL-FATANI



INSTITUT PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN DAN
PENGGOMERSILAN (IRDC)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR
MALAYSIA

DISEDIAKAN OLEH

FAIRUZAH BT. BASRI
PROF. MADYA DR. MUJAINI TARIMIN

MEI 2005

PENGHARGAAN

Segala puji kepada Allah *Subhāna wa ta'ālā* dan junjungan besar Nabi Muhammad *Ṣalla 'Llāh 'alayh wa sallam*, semua ahli keluarga dan para sahabat baginda. Berkat daripada bantuan, hidayah dan semangat yang telah diberikan oleh Allah SWT, penyelidikan ini dapat disempurnakan.

Rakaman penghargaan ditujukan kepada Pengarah Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU) yang telah memberi sokongan dalam menjayakan penyelidikan ini. Penghargaan ini juga ditujukan kepada Institut Perundingan, Pembangunan dan Pengkomersilan (IRDC), UiTM yang telah menerima kajian naskhah sebagai satu bentuk penyelidikan. Rakaman penghargaan juga ditujukan kepada Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia kerana telah bersedia mengadakan hubungan kajian naskhah dengan Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam, UiTM. Justru itu, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam telah mendapat salinan naskhah manuskrip yang amat berguna untuk kajian ini.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Koordinator Unit Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan (URDC), CITU dan semua sahabat di Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam yang banyak memberi kerjasama dalam menyempurnakan kajian ini.

Semoga semua bantuan, sokongan dan jasa baik diterima oleh Allah *Subhāna wa ta'ālā* sebagai satu amal yang akan berkekalan hingga ke alam kehidupan yang kedua. *Āmīn Yā Rabb al-'ālamīn*.

ABSTRAK

*Penyelidikan ini merupakan kajian teks naskhah manuskrip Melayu. Naskhah manuskrip Melayu merupakan satu khazanah warisan bangsa yang menyimpan berbagai peradaban dan budaya rumpun bangsa Melayu. Naskhah Manuskrip Melayu ditulis dengan menggunakan tulisan Jawi berbahasa Melayu. Ia mencerminkan budaya masyarakat Melayu yang berpengang teguh kepada ajaran agama Islam. Kajian ini bermula dengan mengalih aksara naskhah manuskrip Melayu berjudul *Bashīr al-Ikhwān bi-asbāb al-mawt ʿalā al-Īmān*. Naskhah ini telah diberi nombor panggilan oleh Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia dengan nombor MSS 2273. Naskhah MSS 2273 merupakan satu hasil karya prosa yang menjelaskan aspek akidah Islam. Naskhah ini dinyatakan sebagai naskhah terjemahan dan telah diterjemah oleh Syeikh Daud al-Fatani di Mekah. Kajian ini menghasilkan naskhah *Bashīr al-Ikhwān bi-Asbāb al-Mawt ʿalā al-Īmān* dalam tulisan Rumi. Naskhah dalam tulisan Rumi ini akan dapat dibaca oleh masyarakat umum yang tidak dapat membaca naskhah yang ditulis dengan tulisan Jawi. Selanjutnya, masyarakat akan dapat mengambil manfaat dari isi kandungan naskhah.*

KANDUNGAN

	HALAMAN
DEKLARASI	i
PENGHARGAAN	ii
KANDUNGAN	iii
PEDOMAN TRANSLITERASI	iv
SENARAI TERMA / ISTILAH	v
ABSTRAK	vi
BAB 1	
1. PENGENALAN KAJIAN	
1.1 PENDAHULUAN	1
1.2 KENYATAAN MASALAH	2
1.3 OBJEKTIF KAJIAN	3
1.4 KEPENTINGAN KAJIAN	3
1.5 SKÖP KAJIAN	4
1.6 METOD KAJIAN	4
1.7 PENEMUAN KAJIAN	4
BAB 2	
PENGENALAN NASKHAH	5
BAB 3	
TRANSLITERASI NASKHAH	8
BAB 4	
RUMUSAN DAN DAPATAN	24
RUJUKAN	26
LAMPIRAN 1 : NASKHAH ASAL	27

BAB 1

Pengenalan Kajian

1.1 PENDAHULUAN

Manuskrip Melayu merupakan satu khazanah warisan bangsa yang merakamkan tamadun dan budaya masyarakat Melayu. Manuskrip ini ditulis pada lembaran kertas dan kepingan buluh yang dinipiskan. Tulisan yang digunakan ialah tulisan Jawi, iaitu tulisan yang menggunakan abjad Arab untuk menulis perkataan bahasa Melayu. Tulisan Jawi digunakan dalam semua urusan kehidupan masyarakat Melayu, meliputi pelbagai bidang kehidupan seperti surat menyurat, petua, salasilah raja-raja Melayu, adat, undang-undang dan pengetahuan agama Islam. Oleh itu, manuskrip Melayu merupakan satu kumpulan rakaman bertulis yang mengandungi segala pencapaian masyarakat Melayu.

Kajian terhadap manuskrip Melayu merupakan satu kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji budaya Alam Melayu yang dimulai oleh bangsa Inggeris di Malaysia dan Belanda di Indonesia. Di antara tokoh yang menonjol dari kalangan bangsa Inggeris ialah R. J. Wilkinson dan R.O Winstedt. Dari kalangan bangsa Belanda pula nama Snouck Hougrenje jelas terpacat sebagai pengkaji dan orientalis yang banyak berusaha mengumpul naskhah manuskrip dan sumber budaya lain di Kepulauan Indonesia.

Sehubungan itu, para sarjana Barat di Eropah dan Amerika Syarikat telah menubuhkan pusat-pusat pengajian ketimuran seperti School of Oriental and African Studies (SOAS) dan Pusat Penyelidikan Timur Jauh Perancis (EFEO). Dalam mencapai matlamat organisasi ini, usaha pengumpulan naskhah manuskrip Melayu di rantau Alam Melayu adalah satu usaha yang dapat melengkapkan penubuhan pusat ini. Mereka bukan sekadar mengumpul naskhah manuskrip Melayu, tetapi juga mempelajari bahasa dan budaya bangsa Timur.